



Pejabat hijau

MOHD. Harun Abdullah diiringi Pengarah e-Kampus UMS, Dr. Awangku Hassan Bahar Pengiran Bagul (kiri) melancarkan kempen Kesedaran Pejabat Hijau di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Usaha mengekalkan keseimbangan dan keharmonian persekitaran pejabat ke atas pemuliharaan alam sekitar

UM 29-7-13 25

Universiti Malaysia Sabah (UMS) sudah bersiap sedia untuk melaksanakan segala nilai dan elemen berkaitan penjimatan tenaga dan pengurusan sisa buangan elektronik.

Naib Canselor UMS, **Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah** berkata ini sejajar dengan usaha universiti itu untuk menjadi model kepada institusi pengajian tinggi dalam pemuliharaan alam sekitar di negara ini.

Justeru itu, UMS melancarkan kempen Kesedaran Pejabat Hijau yang bertujuan mengekalkan keseimbangan dan

keharmonian bumi hijau.

“Saya percaya UMS sebagai institusi pengajian awam bertanggungjawab meningkatkan kefahaman pendidikan dan menggandakan kesedaran warga UMS dan masyarakat betapa pentingnya pemuliharaan alam sekitar,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran kempen Kesedaran Pejabat Hijau di UMS baru-baru ini.



MOHD. HARUN ABDULLAH

Mohd. Harun berkata, teknologi moden di pejabat seperti penghawa dingin, peralatan moden pejabat dan penggunaan tenaga elektrik yang berlebihan adalah penyumbang utama

kepada pemanasan global, pencemaran air dan udara.

“Melalui kempen kesedaran ini, diharapkan warga UMS dapat membuat perubahan sikap yang boleh membantu penjimatan tenaga di tempat kerja,” katanya.

Mohd. Harun berkata, kesedaran ini dapat membantu mengurangkan kos operasi harian dalam penggunaan tenaga di kampus sekali gus menunjukkan teladan kepada komitmen pemuliharaan alam sekitar.

“Teknologi moden di pejabat seperti penghawa dingin, peralatan pejabat, penggunaan tenaga elektrik yang berlebihan adalah penyumbang utama kepada pemanasan global, pencemaran air dan udara,” katanya.